



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

***Ministry of Agriculture and Food Security***

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.kpk.gov.my](http://www.kpk.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

### **PENJELASAN KEMENTERIAN BERKENAAN ISU KARTEL ATAU MAFIA TENTUKAN HARGA PADI, BERAS DAN BENIH**

**PUTRAJAYA, 4 JANUARI 2024** – Industri padi dan beras negara dikawalselia oleh Kawalselia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522). Melalui akta ini, Kementerian melaksanakan aktiviti kawal selia melalui pelesenan dan penguatkuasaan untuk memastikan industri padi dan beras berkembang secara sihat dan teratur. Akta ini juga memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras dalam mengeluarkan lesen dan permit bagi urus niaga padi dan beras meliputi pengilangan, pemborongan, peruncitan, import/eksport dan pemindahan antara negeri.

Merujuk kepada dakwaan kewujudan kartel atau mafia yang menentukan harga padi, beras dan benih padi, KPKM menafikan kewujudan kartel atau mafia tersebut seperti didakwa. Ini kerana jumlah pengeluaran sebanyak 39,000 pelbagai lesen seperti Lesen Borong Beras, Lesen Eksport, Lesen Import, Lesen Kilang Padi, Lesen Membeli Padi, Lesen Beras Runcit, dan Kelulusan Khas Menjual Benih Padi bagi benih padi sah (BPS) jelas menunjukkan tiada kartel atau mafia yang dimaksudkan wujud dan mampu memonopoli industri padi dan beras.

Bagi BPS pula, KPKM telah memperuntukkan sebanyak 72,000 metrik tan benih padi sah bagi memenuhi keperluan pesawah bagi tahun 2023. Lesen pengilangan benih padi sah ini juga turut diberi kepada syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) bagi membekalkan benih padi kepada pesawah. Pengesahan BPS melalui ujian makmal dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Malaysia.

Bagi memastikan semua peruncit menjual benih padi sah mengikut harga yang ditetapkan oleh Kerajaan dan tiada sebarang unsur penyorokan BPS, pelaksanaan *Task Force* Operasi Benih Padi Sah (OP BPS) telah diadakan pada 7 hingga 21 November 2023. Sepanjang tempoh tersebut, KPKM telah menarik balik sebanyak 22 lesen penjualan benih padi sah milik peruncit yang melanggar syarat lesen.

KPKM memberi peringatan kepada semua pengilang, pemborong dan peruncit agar sentiasa mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan dan tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang cuba mengambil kesempatan dalam isu ini. Tindakan tegas akan diambil seperti pembatalan lesen sekiranya didapati berlaku pelanggaran undang-undang. Para pesawah dan pengguna dinasihatkan supaya menyalurkan aduan atau maklumat secara rasmi kepada Kementerian jika terdapat sebarang pelanggaran undang-undang melalui saluran berikut:

Kawalselia Padi dan Beras (KPB),  
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)

- i. Portal Aduan KPB : <https://skpb.kpk.gov.my/adu>
- ii. E-mel Rasmi : [aduankpb@kpk.gov.my](mailto:aduankpb@kpk.gov.my)
- iii. Hotline Ibu Pejabat KPB Putrajaya: 03-88701751/1748/1183

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**  
**4 JANUARI 2024**